



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**26 SEPTEMBER 2017 (SELASA)**

<b>AKHBAR</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>Berita Harian</b>	
- Penduduk desak siasat dalang projek kontrovensi	12
<b>Harian Metro</b>	
- MPAJ tetap teruskan bina pusat konvensyen	22
<b>Chinapress</b>	
- The street lamp shade is shaky	C2
<b>Utusan Malaysia</b>	
- TALIAN KHIDMAT	26



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>26 SEPTEMBER 2017 (SELASA)</b>	
Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Penduduk desak siasat dalang projek kontroversi
Muka Surat	12

Ms.12 Selasa, 26 September 2017 **BH**

**→ HALAMAN KOTA**

**CADANGAN BINA PUSAT KONVENSYEN DI TAMAN MELAWATI**

[ FOTO NORUL SYAZANA ROSE RAZMAN/BH ]

# Penduduk desak siasat dalang projek kontroversi

**ADUAN PEMBACA**  
Pembaca yang ingin mengemukakan pandangan atau masalah boleh e-mel ke [bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

**Tapak cadangan pembinaan pusat konvensyen di hadapan Melawati Mall.**

**Bimbang wujud unsur salah guna kuasa dalam penukaran status tanah**

Oleh Mohd Fharhan Abdul Ghapar  
[bhnews@bh.com](mailto:bhnews@bh.com)

**Gombak**

Selepas pelbagai usaha membantah pembinaan projek kontroversi, Pusat Konvensyen Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) di tapak cadangan taman awam di Taman Melawati, di sini, penduduk sepakat untuk merujuk perkara berkenaan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Penduduk sebulat suara mahu SPRM menyasiat kerajaan Selangor dan MPAJ menerusi cadangan yang diusulkan dalam Mesyuarat Agong Tahunan Persatuan Keselamatan dan Cegah Jenayah Zon A, B dan C Taman Melawati kali keempat, di Sekolah Kebangsaan (SK) Taman Melawati 2, pada Sabtu lalu.

**Minta ikut pelan asal**  
Mereka membuat keputusan itu untuk mendesak MPAJ supaya menghentikan rancangan berkenaan dan meneruskan pelan asal membina taman awam, Melawati Central Park.

Pengerusi persatuannya, Razman Hakimi Abdullah, berkata tindakan itu dibuat bagi merujuk kepada MPAJ dan kerajaan negeri bahawa penduduk amat serius membantah rancangan pembinaan projek kontroversi itu.

"Hasil mesyuarat minggu lalu, penduduk sepakat mahu merujuk perkara ini kepada SPRM. Kami membantah secara keseluruhan rancangan pembinaan pusat konvensyen itu.

"SPRM perlu menyasiat perkara ini kerana kami berasa wujud unsur penyalahgunaan kuasa dalam penukaran status tanah berkenaan," katanya kepada **BH**, semalam.

**Cadang fail tindakan undang-undang**  
Razman berkata, penduduk juga turut bercadang memfailkan tindakan undang-undang dan meminta mahkamah melakukan sekam kehakiman terhadap MPAJ dan kerajaan negeri berhubung projek itu.

Sebelum ini, **Halaman Kota** pernah menyiarkan kemelut antara penduduk di situ dengan MPAJ berhubung pembangunan pusat konvensyen di tapak cadangan pembinaan taman awam, Melawati Central Park bersebelahan pusat beli-belah Melawati Mall.

Penduduk berang apabila cadangan asal pembangunan Melawati Central Park di atas tapak berkeluasan 3.37 hektar itu dibatalkan dan digantikan dengan rancangan pembinaan pusat konvensyen berkenaan.

Dalam perjumpaan MPAJ bersama penduduk minggu lalu, pihak berkuasa tempatan (PBT) itu tetap akan meneruskan rancangan berkenaan, namun memberi jaminan untuk meneliti cadangan penduduk sebelum kerja pembinaan bermula.

**MPAJ tak endah keperluan sebenar penduduk**  
Penduduk mendakwa MPAJ tidak mengendahkan keperluan sebenar penduduk yang mahukan sebuah taman awam, selain penyelesaian kepada masalah kesesakan lalu lintas yang dihadapi mereka.

Razman berkata, penduduk hanya mahukan taman awam dan bukannya binaan konkrit, malah MPAJ memberi alasan pusat konvensyen itu dibina bagi memenuhi keperluan penduduk yang kemudiannya dinafikan mereka.

"Kami sudah ada dewan komuniti di Jalan F, namun keadaannya agak usuk. Mengapa MPAJ tidak membekal pulih dan menaik taraf saja dewan berkenaan.

"Dewan yang sedia ada pun gagal diuruskan dengan baik, kini mereka mahu bina dewan baharu pula," katanya.

Isu kesesakan lalu lintas dan kekurangan tempat letak kenderaan di Taman Melawati juga sudah berlarutan sejak awal tahun lalu ketika pembinaan Melawati Mall.

Pada awalnya, penduduk turut menentang pembinaan pusat beli-belah itu, namun akur selepas MPAJ berjanji menyelesaikan dan menguruskan pengiraan trafik di kawasan itu.

Namun, sehingga kini, MPAJ masih belum mengotakan janji untuk menyelesaikan masalah dihadapi penduduk di situ, menyebabkan setiap hari mereka terpaksa menempuh kesesakan teruk pada waktu puncak dan diburukkan lagi apabila ada aktiviti perniagaan pasar malam serta pasar tani setiap hujung minggu.

**Razman Hakimi Abdullah**, Pengerusi Persatuan Keselamatan dan Cegah Jenayah Zon A, B dan C Taman Melawati

**Hasil mesyuarat minggu lalu, penduduk sepakat mahu merujuk perkara ini kepada SPRM. Kami membantah secara keseluruhan rancangan pembinaan pusat konvensyen itu"**

**Pembinaan projek kontroversi**

**Keratan akhbar pada 21 September lalu.**



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>26 SEPTEMBER 2017 (SELASA)</b>	
Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	MPAJ tetap teruskan bina pusat konvensyen
Muka Surat	22

## MPAJ tetap teruskan bina pusat konvensyen

**Kuala Lumpur:** Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) akan tetap meneruskan cadangan pembinaan pusat konvensyen di tapak taman rekreasi Taman Melawati, Hulu Klang, di sini, meskipun berdepan bantahan daripada penduduk setempat.

Yang Dipertua MPAJ Abdul Hamid Hussain berkata, rancangan projek berkenaan tetap akan diteruskan dan pihaknya akan sentiasa mengambil kira setiap pandangan penduduk secara teliti.

“Semua pandangan yang dicadangkan oleh penduduk akan diteliti dan perkara ini akan dibincangkan semula bersama kerajaan negeri dalam masa terdekat.

“Bajet untuk menjalankan projek ini sudah ada dan segala keputusan yang dibuat bergantung kepada kerajaan negeri,” katanya ketika dihubungi Harian Metro, di sini, semalam.

Menurutnya, penduduk perlu akur segala keputusan yang dibuat kerana projek ini dibangunkan di kawasan lapang dan bukannya di kawasan taman rekreasi seperti didakwa penduduk.

“Pada asalnya kawasan ini sememangnya lapang dan kosong. Jadi, perkara ini selaras mengikut prosedur ditetapkan yang mana ia berhak untuk dibangunkan.

“Oleh kerana kawasan berkenaan berhampiran dengan pusat beli-belah Melawati Mall dan berada di kawasan elit, kita mengambil keputusan untuk menaik taraf kawasan ini supaya setaraf dengan kawasan berkenaan,” katanya.

Abdul Hamid berkata, sebanyak 60 peratus daripada tanah di kawasan lapang itu akan dibina bangunan manakala selebihnya akan diperuntukkan untuk kawasan hijau.





**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
 MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
 PANDAN INDAH, SELANGOR,  
 55100 KUALA LUMPUR

<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>26 SEPTEMBER 2017 (SELASA)</b>	
Akhbar	Chinapress
Tajuk Berita	The street lamp shade is shaky
Muka Surat	C2

(吉隆坡25日讯) 六哩村瓜里路 (Jalan Kuari) 一个街灯的灯罩自2周前开始有移位现象, 近日经历多次的风雨后, 更是摇摇欲坠, 居民担心随时坠下误中“头奖”而受伤。

此街灯位于安邦县国家反毒机构 (AADK) 前方, 民政党莲花苑协调官刘博文接获来自附近居民的投诉, 指相关街灯在2周前已经故障, 接著灯罩开始移位, 如今已经如同“吊”在灯柱上。

刘博文指出, 瓜里路是往来六哩村前往六福园 (Taman Seraya)、武吉莲花苑 (Taman Bukit Teratai) /武吉柏迈花园 (Taman Bukit Permai)、武吉班丹花园 (Taman Bukit Pandan) 等的主要道路。

他说, 靠近清真寺的路段的街灯不时故障, 容易发

生交通意外和罪案, 偶尔有青少年到墓园游荡。

他指出, 摇摇欲坠的灯罩就是其中一支故障的街灯, 随时会威胁道路使用者的安全, 尤其担心坠下击中摩哆骑士, 造成伤亡。

“瓜里路位于吉隆坡市政局和安邦再也市议会辖区的边界, 摇摇欲坠的灯罩是在市议会范围, 我明天会提交投诉信函给市议会, 要求当局尽快维修。”

武吉柏迈居民卡立达山指出, 瓜里路是居民主要道路, 负责当局应该尽快维修, 别等发生意外才补救。

六哩村居民罗斯曼指出, 该街灯的灯罩看似很危险, 当局有必要尽快维修。

另外, 道路使用者刘国景说, 虽有向莲花苑州议员张菲倩投诉, 不过未见处理, 每次经过该路段都会抬头望, 要是灯罩坠下, 就是人为疏忽的意外。

**街燈燈罩摇摇欲坠**  
**六哩村居民怕中頭獎**

CP 26/9/17 MJS C2

■ 位于安邦县国家反毒机构前方的街灯自2周前故障, 如今灯罩也彷彿随时坠下。

■ 刘博文 (左3) 将致函市议会, 要求尽快处理摇摇欲坠的灯罩。



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
 MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
 PANDAN INDAH, SELANGOR,  
 55100 KUALA LUMPUR

<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>26 SEPTEMBER 2017 (SELASA)</b>	
Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	TALIAN KHIDMAT
Muka Surat	26

*un 26/9/17 ms 26*

<p><b>SENARAI BALAI POLIS</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Petaling Jaya</li> <li>• Bukit Aman</li> <li>• Damansara Utama</li> <li>• Dang Wangi</li> <li>• Shah Alam</li> <li>• Cheras</li> <li>• Sungai Buloh</li> </ul> <p><b>LEMBAH KLANG</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Dewan Bandaraya Kuala Lumpur</li> <li>• Majlis Bandaraya Shah Alam</li> <li>• Majlis Bandaraya Petaling Jaya</li> <li>• Majlis Perbandaran Subang Jaya</li> <li>• Majlis Perbandaran Kajang</li> <li>• Majlis Perbandaran Selayang</li> </ul>	<p><b>03-79662222</b></p> <p><b>03-22662222</b></p> <p><b>03-77222222</b></p> <p><b>03-20702222</b></p> <p><b>03-55202222</b></p> <p><b>03-92842222</b></p> <p><b>03-61561222</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Majlis Perbandaran Klang</li> <li>• Majlis Perbandaran Ampang Jaya</li> <li>• Majlis Perbandaran Sepang</li> <li>• Majlis Daerah Kuala Selangor</li> <li>• Majlis Daerah Sabak Bernam</li> <li>• Majlis Daerah Hulu Selangor</li> <li>• Majlis Daerah Kuala Langat</li> </ul> <p><b>NEGERI SEMBILAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Majlis Perbandaran Seremban</li> <li>• Majlis Perbandaran Nilai</li> <li>• Majlis Perbandaran Port Dickson</li> <li>• Majlis Daerah Kuala Pilah</li> <li>• Majlis Daerah Jelebu</li> <li>• Majlis Daerah Jempol</li> <li>• Majlis Daerah Tampin</li> </ul>	<p><b>03-33755555</b></p> <p><b>03-42968000</b></p> <p><b>03-83190200</b></p> <p><b>03-32891439</b></p> <p><b>03-32241655</b></p> <p><b>03-60641331</b></p> <p><b>03-31872825</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Majlis Daerah Rembau</li> </ul> <p><b>MELAKA</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Melaka 1 Number Call Centre</li> <li>• Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah</li> <li>• Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya</li> <li>• Majlis Perbandaran Alor Gajah</li> <li>• Majlis Perbandaran Jasin</li> <li>• Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka</li> <li>• Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Alor Gajah</li> <li>• Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Jasin</li> <li>• Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Melaka Tengah</li> <li>• Hospital Melaka</li> <li>• Hospital Alor Gajah</li> <li>• Hospital Jasin</li> </ul>	<p><b>06-6851144</b></p> <p><b>06-3333333</b></p> <p><b>06-2859700</b></p> <p><b>06-2323773</b></p> <p><b>06-5563127</b></p> <p><b>06-5291245</b></p> <p><b>06-2854222</b></p> <p><b>06-5562222</b></p> <p><b>06-5292222</b></p> <p><b>06-2842222</b></p> <p><b>06-2892344</b></p> <p><b>06-5565333</b></p> <p><b>06-5294262</b></p>
---	---	--	---	--	--